


Tindakan tegas menanti peniaga jual penutup mulut dan hidung melebihi harga kawalan ditetapkan

2020-04-21T12:31:20+08:00

oleh Borhaniza Ali Basah



Kelyn melakukan pemantauan harga penutup mulut dan hidung di sebuah farmasi di Jalan Dr. Wong Soon Kai hari ini.

SIBU: Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga penutup mulut dan hidung secara tidak munasabah di dalam situasi orang ramai memerlukannya sebagai langkah keselamatan dan pencegahan dari wabak COVID-19.

Ketua Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Sibu, Kelyn Bolhassan @ Haliward berkata peniaga boleh dikenakan tindakan tegas di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Sebarang pelanggaran di bawah peruntukan Akta ini bagi kesemua jenis penutup mulut dan hidung boleh dikenakan tindakan undang-undang yang tegas.

"Bagi kesalahan melibatkan individu, mereka boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM 50,000.00.

"Syarikat pula boleh didenda sehingga RM500,000.00 atau dikompaun sehingga RM250,000.00," katanya.

Beliau berkata demikian apabila ditemui pemberita selepas melakukan pemeriksaan dan pemantauan harga ke atas dua buah farmasi di Jalan Dr. Wong Soon Kai, hari ini.

Menurutnya, terdapat lima jenis penutup mulut dan hidung yang ditetapkan sebagai barangan harga terkawal.

Bagi penutup mulut dan hidung (pembedahan/perubatan) 1 lapisan (gelung telinga) harga borong adalah RM5.00 sekotak dan harga runcit adalah RM7.00 sekotak, manakala penutup mulut dan hidung (pembedahan/perubatan) 2 lapisan (gelung telinga) harga borong adalah RM8.00 sekotak dan harga runcit adalah RM10.00 dan RM0.20 sen seunit.

Untuk penutup mulut dan hidung (pembedahan/perubatan) 3 lapisan (gelung telinga/gelung kepala) harga borong adalah RM72.50 sekotak dan RM1.45 sen seunit, manakala harga runcit adalah RM75.00 sekotak dan RM 1.50 sen seunit.

"Penutup mulut dan hidung (pembedahan/perubatan) 3 lapisan (ikatan pada kepala) pula kita meletakkan harga borong pada RM72.50 sekotak dan RM1.45 sen seunit, bagi harga runcit adalah pada RM 75.00 sekotak dan RM 1.50 sen seunit.

"Bagi penutup mulut dan hidung (pembedahan/perubatan) N95, harga borong adalah RM100.00 sekotak, dan harga runcit RM6.00 seunit.

"Kelima-lima jenis penutup mulut dan hidung yang dikawal harganya secara perundangan ini adalah di bawah peruntukan Akta yang sama," ujarnya.

Dalam pada itu, Kelyn turut mendedahkan bahawa, sepanjang tahun ini KPDNHEP Cawangan Sibul menerima sebanyak 72 aduan termasuk 14 aduan melibatkan penutup mulut dan hidung dan satu aduan melibatkan pensanitasi tangan.

"Tindakan kes pula, sepanjang tahun ini, kita mengambil tindakan sebanyak 47 kes dan sepanjang PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) kita telah mengambil tindakan terhadap tiga kes.

"Jumlah rampasan sepanjang tahun ini melibatkan pelbagai kesalahan adalah berjumlah RM111,047.49," katanya.

Beliau juga turut berpuas hati dengan pemeriksaan dan pemantauan harga yang dijalankan pagi tadi kerana premis farmasi menjual penutup mulut dan hidung pada harga ditetapkan.

"Kalau mengikut pemantauan yang kita buat, bekalan penutup mulut dan hidung semakin mudah didapati di pasaran pada masa ini, kerana kebanyakan farmasi sudah mula mempunyai bekalan penutup mulut dan hidung," tambahnya.

Sehubungan itu, beliau memohon kerjasama dan perhatian pihak yang terlibat dalam pembekalan dan penjualan penutup mulut dan hidung agar membuat urusan niaga secara berhemah dan mematuhi peruntukan harga maksimum penutup mulut dan hidung yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Katanya, pihak KPDNHEP akan menjalankan pemantauan berterusan dengan mengarahkan pegawai-pegawai penguatkuasa untuk membuat pemeriksaan dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang mengingkari arahan ini.

Sementara itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat, aduan atau pertanyaan boleh dibuat secara terus melalui e-aduan.kpdnhep.gov.my atau menghubungi Bilik Gerakan KPDNHEP Sibul ditalian 084-335662 atau WhatsApp ke 019-2794317 (Aduan Penggunaan).

Bilik Gerakan KPDNHEP Sibul juga beroperasi dari 8 pagi hingga 6 petang setiap hari sepanjang tempoh PKP.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/04/21/tindakan-tegas-menanti-peniaga-jual-penutup-mulut-dan-hidung-melebihi-harga-kawalan>